



rencana Budaya Kerja KUKUM



Diskusi Pagi (Breakfast Meeting)

Kemantapan dan keberkesanan kerja sesebuah organisasi adalah bergantung kepada input yang diberikan oleh setiap anggota organisasi tersebut. Dalam merealisasikan tujuan ini, satu perbincangan tidak rasmi iaitu Diskusi Pagi diadakan pada setiap pagi Isnin bermula dari jam 7.45 pagi hingga 8.15 pagi. Diskusi Pagi ini dihadiri oleh semua pegawai kanan dan ketua-ketua jabatan KUKUM dan dipimpin oleh Yang Berbahagia Tuan Rektor sendiri.

Diskusi Pagi merupakan perjumpaan untuk berkongsi idea-idea terbaik atau cadangan yang membina yang dapat dimanfaatkan untuk kepentingan universiti. Pada setiap minggu, tajuk yang berbeza dibincangkan dan setiap pegawai utama dan ketua-ketua jabatan mengambil giliran mempengerusikan perjumpaan tersebut.

Tajuk-tajuk yang dibincangkan meliputi visi dan misi KUKUM, perancangan strategik KUKUM, identiti dan budaya KUKUM, pendekatan pengurusan KUKUM, pengurusan alam sekitar, pengurusan ilmu dan ulasan buku-buku yang dipilih khas juga dilakukan. Diskusi Pagi membolehkan perbincangan yang lebih mendalam dibuat tentang setiap satu tajuk.

Sebagai contoh, perbincangan mengenai misi dan visi KUKUM membolehkan pemahaman yang lebih jelas di kalangan pegawai utama dan ketua-ketua jabatan tentang peranan misi dan visi KUKUM sebagai asas kepada semua perancangan dan halatuju KUKUM. Beberapa cadangan juga dibangkitkan untuk merealisasikan misi dan visi KUKUM pada KUKUM agar perkara tersebut difahami dan diingati serta dijadikan asas dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Lanjutan daripada Ucaptama Tahunan Rektor yang menggariskan sasaran KUKUM untuk lima tahun akan datang, Diskusi Pagi yang kedua membincangkan perancangan strategik KUKUM secara umum. Salah satu perkara yang ditekankan ialah perancangan strategik yang dirangka oleh setiap jabatan dan pusat-pusat pengajian mesti menepati misi dan visi KUKUM dan perancangan yang dibuat mesti mengambilkira situasi KUKUM sebagai sebuah universiti yang baru setahun ditubuhkan. Beberapa penambahbaikan dalam merangka perancangan strategik turut dibincangkan dan hal tersebut telah diambil perhatian oleh setiap ketua jabatan.

Identiti dan budaya KUKUM turut dibincangkan secara terperinci. Hanya satu ciri dibincangkan secara mendalam setiap minggu. Dalam perbincangan tersebut, setiap satu ciri iaitu, antara lain - keikhlasan, ketelusan, budaya tepat dan cepat, dan banyak lagi dihalusi kepentingannya untuk disemai dan disebatikan dalam jiwa warga KUKUM. Tanpa ciri-ciri ini, Mungkin KUKUM tidak berupaya mengukir nama dan kekuatan, seperti mana yang diharap-harapkan.

Adalah diharapkan perjumpaan Diskusi Pagi ini tidak terhad kepada peringkat pegawai utama dan ketua-ketua jabatan sahaja tetapi boleh diadakan di setiap jabatan dan pusat pengajian. Selain membincangkan topik-topik khusus, ia juga diharap mampu untuk menjadi landasan mewujudkan jalinan kemesraan dan persefahaman di kalangan warga KUKUM keseluruhannya.